

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
KAWASAN : BUKIT GANTANG
TARIKH : 29 OKTOBER 2014, RABU

SOALAN:

YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD (BUKIT GANTANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah piawai yang digunakan untuk menentukan had kelajuan kenderaan di jalan raya, kadangkang dilihat tidak logik seolah-olah bukan hendak menjaga keselamatan tetapi sebaliknya untuk menjana pendapatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria penetapan had kelajuan kenderaan di jalan raya dan lebuh raya negara ini ditentukan oleh faktor-faktor seperti reka bentuk geometri jalan, kepadatan aliran trafik dan tahap risiko kemalangan. Faktor-faktor ini perlu diambil kira untuk memastikan reka bentuk sesuatu jalan raya atau lebuh raya itu memenuhi piawaian tempatan dan antarabangsa yang telah ditetapkan.

Di samping itu, aspek keselamatan juga merupakan antara faktor utama dalam penetapan had kelajuan di sesuatu lokasi, seperti di kawasan berkepadatan tinggi, kawasan menghampiri plaza tol, susur keluar masuk, laluan mendaki, kawasan angin lintang dan sebagainya. Oleh itu untuk mengurangkan risiko berlaku kemalangan, had laju di kawasan-kawasan itu perlu dikurangkan berbanding had kelajuan kebangsaan untuk lebuh raya (110 km/jam) dan Jalan Persekutuan (90 km/jam).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar had kelajuan yang diwartakan di jalan raya dan lebuh raya negara ini adalah bertujuan untuk memastikan tahap keselamatan pengguna secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, kementerian ini dari masa ke semasa sentiasa berbincang dengan pihak Kementerian Pengangkutan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengkaji semula had kelajuan yang diwartakan supaya ia bersesuaian dengan perkembangan teknologi semasa.

Sekian. Terima kasih.